

## NOTA PANDUAN / GUIDE NOTES

### NOTA: / NOTES:

1. Penghibur awam adalah termasuk seorang pengacara, peragawati, penghibur sarkas, pensyarah, penceramah, ahli sukan, artis atau seorang individu yang menjalankan apa-apa profesion, kerjaya atau pekerjaan yang serupa; atau seorang individu yang menggunakan kemahiran intelek, artistik, muzik, peribadi atau fizikal atau watak dalam menjalankan apa-apa aktiviti berhubung dengan apa-apa tujuan secara langsung, cetak, elektronik, satelit, kabel, gentian optik atau medium lain, untuk filem atau pita, atau untuk siaran televisyen atau radio, mengikut mana-mana yang berkenaan.

*Public entertainers include a compere, model, circus performer, lecturer, speaker, sports person, an artiste or an individual exercising any profession, vocation or employment of a similar nature; or an individual who uses his intellectual, artistic, musical, personal or physical skill or character in, carrying out any activity in connection with any purpose through live, print, electronic, satellite, cable, fibre optic or other medium, for film or tape, or for television or radio broadcast, as the case may be.*

2. Pelawat asing adalah orang yang tidak bermastautin yang memasuki Malaysia dengan menggunakan Pas Lawatan Iktisas tidak termasuk Penghibur Awam.

*Foreign visitors are non-residents who enter Malaysia using a Professional Visit Pass excluding Public Entertainers.*

3. Penganjur / penaja adalah pihak yang bertanggungjawab mengurus dan membuat bayaran kepada penghibur awam bukan pemastautin atau pelawat asing (berdasarkan perjanjian / kontrak) untuk perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia.

*Organiser / sponsor is the party who is responsible to manage and make payment to a non-resident public entertainer or foreign visitors (based on agreement / contract) for services performed or rendered in Malaysia.*

4. Ejen atau pihak ketiga adalah pihak yang dilantik untuk mewakili penganjur / penaja, bertanggungjawab mengemukakan pemberitahuan kemasukan penghibur awam bukan pemastautin atau pelawat asing kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

*Agent is the party appointed to represent the organiser / sponsor who is responsible to submit the admission notification of a non-resident public entertainer or foreign visitors to Inland Revenue Board of Malaysia.*

### Senarai Semak: / Checklist:

| Kategori<br><i>Category</i>  | Penghibur<br>Awam<br><i>Public<br/>entertainer</i> | Pelawat<br>Asing<br><i>Foreign<br/>visitor</i> |
|--|--|--|
| Kemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:<br><i>Furnish copies of the following documents:</i>  |  |  |
| 1. Surat permohonan daripada penganjur / penaja / ejen (menggunakan kepala surat penganjur / penaja / ejen)<br><i>Application letter from organiser's / sponsor's / agent's (using the organiser's / sponsor's / agent's letterhead)</i>   | √  | √  |
| 2. Surat pelantikan sebagai ejen (wakil) oleh penganjur / penaja<br><i>Appointment letter as agent by the organiser / sponsor</i>  | √  | √  |
| 3. Kontrak atau perjanjian yang telah disetemkan<br><i>Stamped contract or agreement</i>   | √  | √  |
| 4. Salinan pasport penghibur awam bukan pemastautin atau pelawat asing dengan butiran tarikh ketibaan dan berlepas ke atau dari Malaysia<br><i>Copy of passport of the non-resident public entertainer or foreign visitor with particular of date of arrival and departure to or from Malaysia</i> | √  | √  |
| 5. Lampiran A (jika lebih dari seorang penghibur awam bukan pemastautin atau pelawat asing)<br><i>Appendix A (if more than one non-resident public entertainer or foreign visitor)</i>   | √  | √  |
| 6. Dokumen sokongan berkaitan Manfaat Berupa Barangan (MBB) yang disediakan kepada penghibur awam bukan pemastautin atau pelawat asing<br><i>Supporting documents pertaining to Benefit In Kind (BIK) provided to the non-resident public entertainer or foreign visitor</i>                       | √  | √  |

|   |   |   |
|---|---|---|
| <b>7. Kontrak / surat tawaran dan penerimaan atau lain-lain dokumen (jika berkenaan)</b><br><i>Contract/letter of offer and acceptance or other documents (if applicable)</i> | √ | √ |
| <b>8. Salinan risalah seminar / kursus bagi kes penceramah seminar / kursus latihan</b><br><i>Copy of seminar brochure for seminar / training course lectures</i>             |   | √ |
| <b>9. Kes Penggajian:</b><br><i>Employement cases:</i>  |   | √ |
| <b>i. Surat pengesahan dari majikan negara asal</b><br><i>Letter of confirmation from the employer of the country of origin</i>   |   |   |
| <b>ii. Butir-butir saraan dan gaji yang diterima dari negara asal</b><br><i>State the details of remuneration and emolument received from home country</i>                    |   |   |